



NOR Mohamed Yacop (tengah), Syed Razak Syed Zain dan Dr. Mahathir Mohamad diberi taklimat oleh Pengurus Besar Kanan Naza Automotive, Nor Hadi Daud mengenai pelan syarikat itu di Gurun, semalam. Di kiri sekali ialah Pengarah Urusan Kumpulan Naza, SM Nasimuddin SM Amin.

Abdullah: Industri automotif tempatan perlu komitmen tinggi

GURUN 17 Ogos - Industri automotif tempatan memerlukan perancangan yang rapi dan komitmen yang tinggi supaya dapat mengeluarkan produk yang bermutu tinggi, mampu bersaing dan menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, industri berkenaan juga perlu menjalin kerjasama yang erat di kalangan semua pihak iaitu pengilang tempatan, rakan kongsi asing, para vendor dan pembekal serta agensi-agensi kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, untuk jangka masa panjang, pengusaha automotif tempatan perlu mempunyai perancangan yang lebih ketara untuk meningkatkan kemampuan bersaing daripada segi kualiti dan harga sama ada di pasaran tempatan mahu pun antarabangsa.

"Dengan terbukanya pasaran automotif serantau

pada masa depan, pengeluaran dan pemasangan kenderaan tempatan hendaklah mengambil langkah yang sepatutnya bermula dari hari ini untuk menjadi pengeluar yang berkualiti dan berdaya saing," katanya dalam ucapan perasmian kilang pembuatan dan peniaingan kenderaan, Naza Automotive Manufacturing Sdn. Bhd. di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Muhammad; Duta Republik Korea ke Malaysia, Lee Young-June; Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin dan Naif Presiden Kia Motor Corporation (KMC), J.M. Park.

Abdullah berkata, industri automotif juga perlu disokong oleh syarikat vendor

dan pembekal komponen yang berwibawa untuk menggalakkan pembangunan yang lebih pesat.

Beliau mengingatkan, pihak yang berminat untuk menceburi bidang pembekalan komponen supaya berusaha untuk meningkatkan mutu produk yang dikeluarkan supaya kualiti automobil buatan tempatan boleh menjadi kebanggaan pengguha dan pembeli.

"Bagi tujuan ini, para pembekal seharusnya menggunakan kaedah yang terkini supaya produk yang dikeluarkan mampu berdaya saing di pasaran daripada segi kualiti dan kos," ujarnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menggesa semua kakitangan Naza Automotive supaya menggunakan peluang pekerjaan yang disediakan untuk mempelajari segala aspek dalam teknologi pembuatan kereta.

Ini termasuk reka cipta, kejuruteraan, penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

serta etika kerja pekerja Korea yang gigih dan berpegang kepada kepada Pengamalan Terbaik Antarabangsa, kata Abdullah.

Beliau berkata, semangat yang gigih dan penekanan kepada mutu keluaran yang tinggi telah membolehkan Korea mengambil masa yang singkat untuk mengeluarkan produk yang mampu bersaing di pasaran global.

"Keluaran industri automotif Korea kini diterima baik di seluruh dunia," katanya.

Kini, tambah beliau, Kumpulan Naza telah memilih teknologi Korea dengan mengambil KMC sebagai rakan niaganya.

Beliau berkata, Malaysia terus mengalu-alukan projek usaha sama seperti itu kerana ia dapat mencetuskan pelbagai kegiatan ekonomi sampingan yang menguntungkan ekonomi negara.